

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**  
**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 13**

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya syarikat Lynas tidak dapat memenuhi syarat yang dikenakan dalam tempoh masa enam bulan. Adakah Kerajaan akan menggantung operasi Lynas sehingga mereka memenuhi syarat berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk Seksyen 22 (1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), sekiranya pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen, Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom boleh membatalkan atau menggantung selama tempoh yang difikirkan patut terhadap mana-mana lesen yang dikeluarkan termasuk lesen kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.